

30 JUN 1999

Mahathir-Pilihan raya

KEMENANGAN DUA PERTIGA PASTIKAN BN TAK DIUGUT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata Barisan Nasional (BN) mesti mengekalkan kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang untuk menghalang mana-mana parti komponen atau wakil rakyatnya daripada mengancam atau mengugut kekuatan dan kestabilannya.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata kemenangan itu akan memastikan parti komponen atau wakil rakyatnya tidak mengugut untuk menyertai parti pembangkang.

Bercakap selepas melancarkan GERAK MESRA WANITA anjuran Pergerakan Wanita Umno di sini, Dr Mahathir berkata BN ingin menekankan bahawa kemenangan dua pertiga itu bukan untuk membolehkan perlembagaan persekutuan dipinda seperti didakwa oleh pembangkang.

Dr Mahathir berkata walaupun dengan kemenangan dua pertiga itu, BN boleh meminda perlembagaan tetapi yang lebih penting ialah "untuk mengadakan sebuah kerajaan yang kuat."

Beliau berkata kekuatan dan kestabilan kerajaan akan tergugat jika mana-mana parti komponen BN atau wakil rakyatnya, mengancam untuk menyertai pembangkang apabila tuntutan mereka tidak dilayan.

"Kalau kita terancam macam itu, maka kita tidak mungkin mendirikan sebuah kerajaan yang berkesan kerana kita selalu berada dalam keadaan ketakutan," katanya.

Perdana Menteri berkata soal meminda perlembagaan seperti yang didakwa oleh pembangkang tidak pernah timbul.

"Kita tak pinda perlembagaan sudah berapa lama dah," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Wanita Umno akan diberi kerusi tambahan, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata: "Kita akan menimbangkan mengikut keperluan."

"Kalau dia layak, kita bagi tempat. Tapi, kadang-kadang kaum lelaki tidak beri laluan."

Katanya, pergerakan itu tidak meminta secara rasmi supaya kerusinya ditambah tetapi hanya menyuarkan hasrat mereka.

Beliau mengakui bahawa sumbangan wanita dalam pembangunan negara dan Umno harus dihargai kerana selain mempunyai kebolehan tertentu, "mereka lebih serius daripada lelaki."

Sebagai contoh, beliau berkata, sementara pelajar lelaki di universiti tempatan melakukan kerja tidak bertanggungjawab seperti berdemonstrasi, pelajar wanita pula bekerja keras sehingga menjadi peguam, doktor dan jurutera.

Ketika ditanya sama ada moratorium setahun memegang dana portfolio oleh pelabur asing yang tamat 1 Sept ini akan menjadi faktor untuk mengadakan pilihan raya, Dr Mahathir menjawab: "Tidak. Ia tidak melibatkan kita. Ia melibatkan orang lain. Kita mempunyai cukup wang untuk membayar semuanya."

Moratorium itu, sebahagian daripada kawalan modal terpilih yang dikuatkuasakan oleh Malaysia, bertujuan mengekang spekulasi berlebihan dalam pasaran saham dan dengan itu, melindungi ekonomi negara ini daripada krisis kewangan serantau.

Antara yang hadir pada pertemuan tertutup itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

--BERNAMA

ES MAI